

Kosmo (26FEB)

## Pelajar Yayasan Angkasa penuhi kebolehpasaran industri



**PETALING JAYA** – Semua pelajar yang dibiayai oleh Yayasan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menuhi kebolehpasaran majikan dalam pelbagai industri.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sejak ini Yayasan Angkasa telah membantu seramai 800 pelajar yang melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana sama ada sepenuh masa, separuh masa serta pengajian jarak jauh di



ABDUL FATTAH (lima dari kanan barisan depan) bergambar selepas majlis penyerahan dokumen pembiayaan pendidikan Yayasan Angkasa di Kelana Jaya, Petaling Jaya kelmarin.

institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

“Bagi tempoh antara tahun 2000 hingga 2017, Yayasan Ang-

kasa telah memperuntukkan sebanyak RM11.3 juta pinjaman kepada pelajar.

“Daripada jumlah itu, seba-

nyak RM7.82 juta atau 70 peratus ditukarkan kepada biasiswa kerana memperoleh pencapaian gred kelas pertama iaitu Purata

Nilai Gred Keseluruhan antara 3.67 hingga 4,” katanya di sini kelmarin.

Abdul Fattah memberitahu, Angkasa merupakan penyumbang utama kepada yayasan berkenaan dengan sumbangan sebanyak RM1 juta setiap tahun.

Beliau menjelaskan, terdapat tiga program tahunan wajib dihadiri oleh pelajar yang dibiayai oleh Yayasan Angkasa bagi meningkatkan prestasi kecemerlangan mereka.

“Ia merangkumi program motivasi untuk pelajar baharu, program kaunseling bagi pelajar memperolehi nilai gred di bawah 2.8 serta kursus persediaan mendapatkan pekerjaan kepada pelajar tahun akhir,” ujarnya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia